



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LXXIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 1 FEBRUARI 2018

[No. 5

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

**No. 22**

[No. DUNS: (S) 600-8/1 (57)

PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEEMPAT BELAS

PEMBERHENTIAN PENGGAL KELIMA

PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (2) Perkara 21 Perlembagaan Negeri Sabah bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh dari semasa ke semasa memberhentikan Penggal Dewan Undangan Negeri.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini mengisytiharkan dan memberitahu bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah hendaklah diprorog mulai dari 31 Disember 2017.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 31 haribulan Disember 2017.

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri Sabah.*

LS

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

**No. 23**

[No. SPANS: 800-1/15/4/1 Klt. 4/36]

**KENAIKAN PANGKAT**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan kenaikan pangkat Encik K Zulkipli @ K Zulkifli bin Harrith ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N54 secara hakiki mulai 1 September 2017.

**No. 24**

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

**PELANJUTAN PELANTIKAN SEMULA SELEPAS BERSARA**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelanjutan pelantikan semula selepas bersara bagi Datuk Michael Emban ke jawatan Setiausaha Tetap, jawatan utama sektor awam Gred C, VU7 secara sementara selama satu (1) tahun mulai dari 16 Ogos 2017-15 Ogos 2018.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelanjutan pelantikan semula selepas bersara bagi Encik Fidelis Edwin Bajau ke jawatan Pemelihara Hutan, jawatan utama sektor awam Gred Khas C, VK7 secara sementara selama satu (1) tahun mulai dari 16 November 2017.

**No. 25**

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

**PELANTIKAN SECARA KONTRAK**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Datuk Japlin bin Akim @ Abd Hamid ke jawatan Pengarah Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat/Pegawai Tadbir Gred N54 secara kontrak selama tiga (3) tahun mulai 3 Oktober 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Azmie bin Sabli ke jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred KP41 secara kontrak selama tiga (3) tahun mulai 13 November 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Ahmad Fikrie bin Abdullah ke jawatan Jurutera Gred J41 secara kontrak selama tiga (3) tahun mulai 4 Disember 2017.

**No. 26**

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

**PENYERAPAN KE JAWATAN TETAP**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Jomius bin Joseph ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 secara percubaan selama 1-3 tahun mulai 22 Jun 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Ag Ku Mohd Nizam bin Ag Ku Osman ke jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 secara percubaan selama 1-3 tahun mulai 22 Jun 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Dave Sinti ke jawatan Jurutera Gred J41 secara percubaan 1-3 tahun mulai 19 Oktober 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Hasmadi bin Hasbi ke jawatan Jurutera Gred J41 secara percubaan 1-3 tahun mulai 19 Oktober 2017.

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan penyerapan ke jawatan tetap bagi Encik Mohd Izwan @ Eboy bin Jumat ke jawatan Jurutera Gred J41 secara percubaan 1-3 tahun mulai 19 Oktober 2017.

---

**No. 27**

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

**TAWARAN PELANTIKAN SECARA TETAP**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan bagi Puan Normahnila binti Musah ke jawatan tetap sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Gred J41 secara percubaan 1-3 tahun mulai 16 Oktober 2017.

---

**No. 28**

[No. SPANS: 600-1/006680/(80)]

**TAWARAN PELANTIKAN SECARA SEMENTARA**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Geena Shane D. Nelson ke jawatan Pegawai Tadbir, Gred N41 secara sementara mulai 2 Disember 2016.

No. 29

[No. JKM. PHB. 600-2/1/528/(21)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 392/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Projek Pembaikan Cerun Jalan Kota Belud-Kudat (Laluan Persekutuan 1) Pakej 2 di Km 116.78, Kota Marudu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 11 Disember 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/1/528/(21)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

## Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 392/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Road Slope Improvement Project Kota Belud-Kudat (Federal Route) Package 2 on Km 116.78, Kota Marudu.

Dated at Kota Kinabalu, this 11th day of December, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 30

[No. JKM. PHB. 600-2/1/529/(21)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 393/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Skim Pembedungan Kota Marudu Fasa 1, Kota Marudu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 11 Disember 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/1/529/(21)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

## Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 393/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, Kota Marudu Sewerage Scheme Phase 1, Kota Marudu.

Dated at Kota Kinabalu, this 11th day of December, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

No. 31

[No. JKM. PHB. 600-2/5/63/(18)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 394/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu, bagi Projek Sambungtara Timur-Barat (East-West), Tambunan.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 11 Disember 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/5/63/(18)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

## Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 394/2017 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the East-West Interconnection Project, Tambunan.

Dated at Kota Kinabalu, this 11th day of December, 2017.

By His Excellency's Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

**TENDER NOTICE****No. 32**

[No. JCK: T. 300-1/1 Jld. 17/(65)]

**JABATAN CETAK KERAJAAN  
KENYATAAN TAWARAN TERBUKA  
PEMBEKALAN KERTAS PHOTOSTAT (JCK. T. 1/2018)  
KEPALA 010201 - ALAT TULIS**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) di bawah bidang Kepala 010201 - Alat Tulis bagi Pembekalan Kertas Photostat di Jabatan Cetak Kerajaan Sabah, Kota Kinabalu.

Borang tawaran dan butir-butir lanjut boleh didapati daripada Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, 88554 Kota Kinabalu, Sabah pada waktu-waktu pejabat. Satu (1) set dokumen tender dikenakan bayaran RM50.00 sahaja (tidak dikembalikan). Walau bagaimanapun, hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA di bawah bidang seperti tersebut di atas sahaja yang dibenarkan mengambil bahagian. Syarikat-syarikat itu mestilah mengemukakan salinan asal Sijil Pendaftaran PUKONSA semasa mengambil dokumen-dokumen tawaran. Tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,  
Lembaga Tawaran Negeri (Pembukaan)  
Kementerian Kewangan,  
Tingkat 1,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
88400 Kota Kinabalu.

dan ditanda "Pencetak Kerajaan Sabah" - Tawaran: JCK.T. 1/2018 di atas sampul surat.

Tarikh tutup : 26 Februari 2018

Masa : 10.00 pagi

Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tersebut di atas tidak akan dilayan dan hanya petender yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat.

POLITIN @ WENEN BIN MOBIJI,  
*Pencetak Kerajaan Sabah.*

[No. JCK: T. 300-1/1 Jld. 17/(65)]

**JABATAN CETAK KERAJAAN**  
**OPEN TENDER**  
**SUPPLY PHOTOSTATE PAPER (JCK. T. 1/2018)**  
**HEAD 010201 - STATIONERIES**

Tenderers are invited from printing suppliers who are registered with Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) under Head 010201 - Stationeries for the supply of Photostate Paper to the Government Printing Department, Kota Kinabalu.

Information regarding the detailed specifications can be obtained from the Government Printing Department, Km. 4, Tuaran Road, 88554 Kota Kinabalu, Sabah on payment of a document fee of RM50.00 (non-refundable). Tender document will only be issued to suppliers upon production of original copy of the Certificate of Registration with PUKONSA. Tender should be sealed and addressed to the:

Setiausaha,  
 Lembaga Tawaran Negeri (Pembukaan)  
 Kementerian Kewangan,  
 Tingkat 1,  
 Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
 88400 Kota Kinabalu.

and marked "Government Printer" - Tender No. JCK.T. 1/2018 above the envelope.

Closing date : 26th February, 2018  
 Time : 10.00 a.m.

Tender received after closing date shall not be considered and only qualified tenderers will be informed in writing.

POLITIN @ WENEN BIN MOBJI,  
*Pencetak Kerajaan Sabah.*

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2018 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

**KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2018**

*Warta Kerajaan* termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia ... ..	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia ... ..	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40

Sesuai naskhah <i>Warta</i> Kerajaan, Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.					
Tidak lebih daripada 8 muka	...	...	...	...	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka	...	...	...	...	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka	...	...	...	...	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka	...	...	...	...	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka	...	...	...	...	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka	...	...	...	...	5.40
Lebih daripada 96 muka ...	...	...	...	...	7.20

dan tambah  
RM1.20  
untuk setiap  
32 muka  
yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2017 (dijilid dengan Kulit Keras) ... .. RM 42.00

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang “& Co”.**

## Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi *Warta Kerajaan Negeri* dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti *Laporan Tahunan*, *Laporan Jabatan* dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan *Warta Kerajaan Persekutuan* hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.